

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (SETEMPAT)

TARIKH: 14 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 05

Kajang

Api merebak dari tingkat bawah

Punca kebakaran pusat jagaan rumah orang tua di Sungai Long di sini, masih dalam siasatan polis.

Ketua Polis Daerah Kajang Asisten Komisioner Ahmad Dzaffir Mohd Yusoff berkata, siasatan membabitkan unit Forensik Polis Diraja Malaysia dan Forensik Jabatan Bomba dan Penyelamat.

"Polis masih menyiasat sama ada premis ini ada permit operasi daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Pihak Berkuasa Tempatan," katanya di lokasi kejadian, semalam.

Menurut Ahmad Dzaffir,

pusat jagaan itu baru dua bulan beroperasi dan terdapat sembilan penghuni termasuk empat pekerja.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi dan Penyelamat Bomba Selangor Mohd Sani Harul berkata, kebakaran dipercayai bermula dari bahagian bawah sebelum mula merebak ke bahagian lain.

"Kami menerima panggilan kecemasan pada jam 5.06 pagi sebelum 15 pegawai dan anggota bersama tiga jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kajang dan BBP Bangi dikerahkan ke lokasi kejadian," katanya.

Kajang

JKM tak terima permohonan daftar

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor akan menyiasat pemilik serta pengurusan Pusat Jagaan Orang Tua Novel Care Home Centre, Sungai Long, Kajang, Selangor yang didapati menjalankan operasi tanpa kebenaran.

Pengarah JKM Selangor Mohammad Hanafi Maulud berkata, siasatan awal mendapati pusat jagaan berkenaan baru dua bulan beroperasi dan tidak pernah mendaftar dengan JKM.

Katanya, selain pusat jagaan itu, pihaknya turut mengenal pasti terdapat dua lagi pusat jagaan di bawah pemilik dan pengurusan

sama yang juga tidak berdaftar.

"Hasil siasatan JKM mendapati pemilik dan pengurusan yang sama mempunyai lima pusat jagaan sekitar Selangor.

"Dua daripadanya sudah berdaftar, manakala tiga lagi iaitu satu yang terbakar dalam kejadian subuh tadi (semalam) serta dua lagi dikesan tidak berdaftar," katanya.

Sementara itu, Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) mengesahkan rumah banglo dua tingkat yang dijadikan sebagai pusat jagaan orang tua itu tidak memiliki permit untuk beroperasi.